

# Kesatuan desak pengurusan Hospital Serdang diberi kepada UPM

KUALA LUMPUR 8 Mei - Kesatuan Kakitangan Am Universiti Putra Malaysia (UPM) mengesa Kementerian Kesihatan supaya menyerahkan urusan pentadbiran dan pengurusan Hospital Serdang kepada universiti itu secepat mungkin.

Presidennya, Mohd. Zailani Abd. Razak berkata, langkah itu perlu bagi menjadikan hospital berkenaan sebagai pusat pembelajaran kepada kira-kira 1,500 pelajar jurusan sains kesihatan dan perubatan UPM.

Katanya, bagi membangunkan hospital itu dahulu, pihak universiti telah memberi sebidang tanah milik UPM tanpa mengenakan sebarang cagaran tetapi diluluskan dengan syarat yang telah dipersetujui.

“Sebagai balasan pemberian tanah tersebut hospital yang bakal

didirikan akan dijadikan pusat pengajian dan kemudahan warga UPM, khususnya pelajar bidang perubatan.

“Namun sehingga kini, pelajar UPM tidak mendapat kelebihan itu, malah terpaksa menjalani latihan amali di hospital yang lebih jauh seperti Hospital Kuala Lumpur, Hospital Kajang dan Hospital Kuala Pilah sedangkan Hospital Serdang itu asalnya didirikan atas tanah milik UPM,” katanya kepada pemberita dalam satu sidang akhbar di UPM, dekat sini hari ini.

Tambahnya, pertikaian tersebut juga telah diajukan kepada Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin semasa mengadakan lawatan rasminya ke UPM tidak lama dahulu.

“Tan Sri sendiri telah bersetuju dengan cadangan ini, namun apabila pihak kami menghantar memorandum kepada kementerian, ia ditolak dan pertemuan serta perbincangan yang diadakan turut mene-mui jalan buntu,” ujarnya.

Menurutnya, pihaknya bersama dengan persatuan kakitangan akademik dan pelajar akan bersatu mendukung hasrat itu dan kini sedang dalam usaha mengumpulkan tandatangan warga UPM bagi menyatakan sokongan.

Sementara itu, Pengerusi Gabungan Majlis Presiden dan Setiausaha Terhormat Kesatuan Universiti-Universiti Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia (Gakum), Datuk Omar Osman berkata, pihaknya menyokong penuh gesaan yang dike-

mukakan warga UPM memandangkan sudah tiba masanya universiti berkenaan mempunyai sebuah hospital sendiri.

Katanya, ada di antara universiti yang lebih muda daripada UPM telah mempunyai hospital sendiri tetapi malangnya pelajar perubatan UPM terpaksa menjalani latihan di hospital yang jauh.

“Justeru, kita mahu Kementerian Kesihatan meneliti perkara ini kerana telah lebih 10 tahun berlarutan tetapi tiada sebarang persefahaman dicapai.

Omar menegaskan, langkah menjadikan Hospital Serdang sebagai pusat pembelajaran akan memberikan sinar baru dalam pengajian perubatan di UPM kerana ia dapat memberikan kemudahan dan fasiliti yang lebih baik kepada pelajar.